

Siaran/Terbitan Segera

21 Ogos 2014

MEDIA RELEASE

Pharmaniaga salur bantuan ubat ke Gaza

Shah Alam 21 Ogos - Pharmaniaga hari ini menyumbangkan pelbagai jenis ubat-ubatan bernilai RM603,000 kepada Yayasan Keamanan Sedunia Perdana untuk disalurkan melalui misi kemanusiaannya kepada penduduk di wilayah Gaza, Palestin.

Sumbangan disampaikan Pengarah Urusan Pharmaniaga Berhad, Dato' Farshila Emran kepada Pengerusi, Yayasan, Tan Sri Norian Mai di Ibu Pejabat Pharmaniaga Berhad di sini, hari ini.

Selain ubat-ubatan *Analgelsic* dan Antibiotik seperti Hydrocortisone, Isoflurane, Mefenamic, Ranitidine dan Cefuroxime, turut disumbangkan adalah peralatan surgikal seperti sarung tangan, jarum suntikan, topeng muka, kain dan pembalut luka.

Ini bukan kali pertama Pharmaniaga menyalurkan sumbangan ubat-ubatan ke Gaza melalui Yayasan tersebut kerana pada 2012 juga Pharmaniaga telah menyumbang ubat-ubatan bernilai RM400,000 kepada Yayasan yang sama.

Pada majlis penyerahan sumbangan itu, Dato' Farshila turut mengumumkan satu Tabung Kemanusiaan Gaza Pharmaniaga yang mula digerakkan dalam bulan Ramadan lalu masih lagi rancak diisi oleh kakitangan Pharmaniaga termasuk cawangannya seluruh Negara.

"Setakat ini kutipan dari warga Pharmaniaga yang prihatin sudah mencecah RM14,000", menurut beliau.

"Atas dasar *Passion for Patients* atau keghairahan kami memastikan pesakit mendapat rawatan, saya mengharapkan misi ini berjaya dan selamat sampai seterusnya dapat menyalurkan sumbangan kepada pihak yang memerlukan," ujar beliau.

Tamat

PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, anak syarikat kepada Kumpulan Syarikat Boustead merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Teras perniagaannya menjurus kepada penghasilan ubat-ubatan generik, kajian dan penyelidikan farmaseutikal dan peralatan perubatan, pemasaran dan jualan, penyimpanan dan pengagihan produk-produk farmaseutikal serta peralatan perubatan dan juga pemasangan alatan perubatan dan hospital.

Dengan visi utama untuk menjadi sebuah syarikat farmaseutikal tempatan yang terulung, Pharmaniaga didorong oleh falsafah yang ditetapkan iaitu 'perniagaan secara beretika' dan mengetengahkan misi utamanya, dalam bersama menyempurnakan kehidupan atau "**Enriching Life Together**".

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Kumpulan Pharmaniaga.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Zuhri Iskandar Kamarzaman at 03 3342 9999 ext 434 atau zuhri@pharmaniaga.com